

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Mata Pelajaran Vokasional Tanaman Makanan 7303/1 mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C.

- Bahagian A Mengandungi 10 soalan yang wajib dijawab dan berbentuk evidens pengetahuan yang wajib dijawab oleh calon.
Bahagian B Mengandungi 3 soalan berbentuk aplikasi yang wajib dijawab oleh calon.
Bahagian C Mengandungi 2 soalan berbentuk kreativiti yang wajib dijawab oleh calon.

Calon diberi masa dua jam 30 minit untuk menjawab kesemua bahagian dalam kertas ini.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya sebahagian besar calon boleh menjawab soalan bahagian A, manakala bahagian B dan C masih ramai calon yang lemah dan tidak berani mencuba. Terdapat juga calon yang tidak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira menyebabkan calon gagal untuk menjawab. Sebilangan kecil calon mempunyai bentuk tulisan yang sukar dibaca. Ada juga calon yang menggunakan loghat daerah masing-masing menyebabkan kesukaran untuk pemeriksa memahami apa yang cuba disampaikan oleh calon.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dengan mengemukakan isi yang bernas dan mencukupi. Setiap isi diikuti dengan huraian yang mantap beserta dengan contoh yang sesuai. Calon juga boleh menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik. Di samping itu, calon mempunyai daya kreativiti dalam mengemukakan idea-idea baru dan bernas. Calon juga menguasai sepenuhnya kemahiran yang dipelajari di sekolah dan mampu menyampaikan idea-idea dengan baik dan mudah difahami. Selain itu juga calon boleh menguasai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak soalan dengan mengemukakan isi yang agak terhad kerana huraian yang dikemukakan tidak mantap dan jarang disertai dengan contoh yang bersesuaian. Calon boleh menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik. Walau bagaimanapun daya kreativiti calon adalah terhad menyebabkan mereka tidak mampu mengembangkan idea dengan berkesan. Calon menguasai kemahiran yang dipelajari di sekolah dengan baik tetapi sukar untuk menyampaikan dalam bentuk tulisan kerana kebolehan calon berkomunikasi adalah pada tahap yang sederhana.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak memahami kehendak soalan dan tidak menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Oleh itu, agak sukar bagi calon menjawab soalan yang diberikan. Walaupun ada calon yang menguasai kemahiran yang dipelajari di sekolah tetapi disebabkan penguasaan bahasa yang kurang menyebabkan calon tidak dapat menyampaikan idea secara bertulis.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Kebanyakan calon dapat menguasai soalan ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam proses penanaman pisang. Ada calon yang tidak memahami kehendak soalan dan tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis menanda jawapan yang salah. Calon melakukan kesilapan dengan menanda lebih daripada lima jawapan. Calon sepatutnya menanda lima aktiviti penanaman pisang.

Soalan 2

Kebanyakan calon dapat menguasai soalan ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam proses penanaman keledak. Ada calon yang tidak memahami kehendak soalan dan tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis gagal menjawab soalan ini dengan baik. Calon melakukan kesilapan dengan menanda lebih daripada tiga jawapan. Calon sepatutnya menanda tiga bahagian yang sesuai dijadikan bahan tanaman untuk penanaman keledak.

Soalan 3

Kebanyakan calon dapat menguasai soalan ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam proses menanam sawi. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis, mereka tidak dapat menjawab soalan ini. Begitu juga calon yang tidak memahami kehendak soalan, mereka gagal memberikan jawapan yang betul. Calon tidak dapat mengenal pasti jawapan yang betul dan calon cuba menanda semua jawapan. Calon dikehendaki menanda seberapa banyak aktiviti penanaman sawi.

Soalan 4

Kebanyakan calon dapat menguasai soalan ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam proses menanam serai. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis, mereka gagal menjawab soalan ini. Begitu juga calon yang tidak memahami kehendak soalan, mereka gagal memberikan jawapan yang betul. Calon menggunakan loghat daerah masing-masing. Contoh calon menggunakan perkataan serong, sendeng, senget dan baring bagi menunjukkan maksud condong. Calon dikehendaki menulis lima kerja penanaman serai.

Soalan 5

Kebanyakan calon dapat menulis langkah pengeluaran tauge tetapi tidak mengikut urutan yang betul. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis, mereka tidak dapat menjawab soalan ini. Begitu juga calon yang tidak memahami kehendak soalan, mereka gagal memberikan jawapan yang betul. Calon tidak dapat mengenal pasti langkah pengeluaran tauge mengikut urutan yang betul. Calon juga gagal membezakan penggunaan bahan seperti siako dan sontoso. Calon dikehendaki menulis langkah pengeluaran tauge.

Soalan 6

Kebanyakan calon dapat menguasai soalan ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam proses penanaman tembikai. Calon yang tidak faham kehendak soalan dan tidak menguasai kemahiran membaca tidak dapat menjawab soalan ini. Calon menanda lebih daripada lima jawapan. Calon dikehendaki menanda lima kerja penjagaan tanaman tembikai.

Soalan 7

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan menulis kerja penanaman tanaman kacang panjang berdasarkan pengalaman mereka. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis, mereka tidak dapat menjawab soalan ini. Begitu juga calon yang tidak memahami kehendak soalan, mereka gagal memberikan jawapan yang betul. Calon tidak dapat mengenal pasti langkah pengeluaran tauge mengikut urutan yang betul. Calon juga gagal membezakan penggunaan bahan seperti siako dan sontoso. Calon dikehendaki menulis langkah pengeluaran tauge.

Soalan 8

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan memadankan peralatan dan bahan dengan betul kerana mereka menggunakan peralatan dan bahan tersebut di sekolah. Calon yang tidak faham kehendak soalan dan tidak menguasai kemahiran membaca tidak dapat menjawab soalan ini. Calon menanda lebih daripada lima jawapan yang diperlukan. Calon dikehendaki memadankan peralatan dan bahan yang digunakan dalam aktiviti penanaman bayam.

Soalan 9

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan menulis kerja penanaman cendawan berdasarkan pengalaman mereka. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis, mereka tidak dapat menjawab soalan ini. Begitu juga calon yang tidak memahami kehendak soalan, mereka gagal memberikan jawapan yang betul. Calon tidak dapat membezakan aktiviti selepas penyuntikan dengan aktiviti sebelum penyuntikan (berdasarkan grafik). Calon dikehendaki menulis lima aktiviti penjagaan cendawan.

Soalan 10

Kebanyakan calon dapat menguasai soalan ini kerana mereka mempunyai pengalaman dalam proses penanaman cili. Calon yang tidak faham kehendak soalan dan tidak menguasai kemahiran membaca tidak dapat menjawab soalan ini. Calon menanda lebih daripada lima jawapan. Calon dikehendaki menanda lima aktiviti memungut hasil bagi tanaman cili.

Bahagian B

Soalan 1

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini kerana calon sentiasa terdedah dalam aspek perlabelan. Calon yang kurang kemahiran melukis dan daya kreatif tidak dapat mencipta reka bentuk label dengan baik. Maklumat label yang diberikan oleh calon berulang-ulang pada muka hadapan dan belakang. Segelintir calon menerangkan tentang kebaikan dan kelemahan aspek perlabelan dalam ruangan jawapan yang disediakan. Calon diminta memasukkan maklumat perlabelan dan mereka bentuk pembungkus yang menarik.

Soalan 2

Sebahagian kecil sahaja calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon cemerlang memahami setiap jenis kos dan seterusnya dapat membuat pengiraan keuntungan. Calon tidak dapat membezakan kos bahan dan kos buruh. Ini mempengaruhi langkah pengiraan seterusnya. Kebanyakan calon yang fobia dengan angka tidak menjawab soalan ini. Ramai calon melakukan kesilapan dalam meletakkan titik perpuluhan, seterusnya mempengaruhi jawapan calon sehingga menjadi tidak tepat. Calon juga melakukan kesilapan sewaktu operasi mencampur dan mendarab (mungkin tidak menggunakan mesin kira). Calon dikehendaki mengira kos bahan, kos buruh, jumlah kos, jumlah pendapatan kasar dan keuntungan.

Soalan 3

Sebilangan kecil sahaja calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon cemerlang dapat membezakan bahan dan alatan seterusnya dapat merekodkan dalam rekod pembelian dan rekod inventori. Calon yang lemah tidak dapat membezakan antara bahan dan alatan yang digunakan. Calon juga tidak dapat mengenal pasti tarikh resit untuk dimasukkan ke dalam rekod pembelian bahan. Calon tersilap menyalin maklumat dari resit pembelian ke dalam rekod pembelian bahan dan rekod inventori. Calon dikehendaki mengenal pasti bahan dan alat dan menyenaraikannya ke dalam rekod pembelian bahan dan rekod inventori.

Bahagian C

Soalan 1

Sebahagian kecil sahaja calon cuba menjawab soalan ini. Kebanyakan calon mengemukakan cara/kaedah membuat kerepek pisang bersira seperti mana dipelajari di sekolah. Calon tidak menonjolkan kreativiti dalam mencipta resepi kerepek pisang bercitarasa baru. Kebanyakan calon hanya menyatakan bahan sahaja tetapi tidak menerangkan langkah memproses kerepek tersebut dengan baik dan teratur. Calon sering kali menyatakan langkah memproses kerepek pisang bersira secara berulang-ulang. Terdapat juga calon yang menggunakan loghat daerah masing-masing. Calon diminta mencadangkan bahan-bahan lain yang digunakan dalam mencipta kerepek pisang bercitarasa baru dan menerangkan langkah bagaimana menyediakan kerepek pisang yang dipilih.

Soalan 2

Hanya sebahagian kecil sahaja calon yang berani cuba menjawab soalan ini, Calon tidak dapat menyatakan fakta dan menghuraikan fakta tersebut dengan baik. Didapati calon kurang kreatif dalam mengembangkan idea. Calon menulis jawapan dalam bentuk “point” tanpa huraian dan contoh. Bagi calon yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis langsung tidak menjawab. Calon tidak dapat membayangkan mesin-mesin berteknologi tinggi yang digunakan dalam proses membuat sos cili secara komersial mungkin disebabkan kurangnya pendedahan terhadap peralatan tersebut. Calon menyatakan fungsi mesin secara berulang-ulang. Calon dikehendaki mencadangkan peralatan berteknologi tinggi dan huraian mengenai peralatan tersebut dalam pembuatan sos cili secara komersial.

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca dan memahami kehendak soalan dengan teliti sebelum menjawab. Calon perlu mengenal pasti bahan yang digunakan dan membezakan langkah kerja dalam aspek penanaman, penjagaan dan memungut hasil.
2. Merangka jawapan terlebih dahulu (bahagian B dan C) sebelum menjawab sesuatu soalan supaya jawapan yang dihasilkan lebih teratur dan kemas. Elakkan mengulang isi yang sama kerana ini akan membuang masa. Fikirkan isi yang lain ataupun semak jawapan yang telah ditulis.
3. Calon perlu memastikan penggunaan bahasa yang betul dan mudah difahami. Pastikan ejaan adalah betul dan elakkan penggunaan loghat daerah. Perbaiki tulisan agar lebih kemas dan mudah dibaca.
4. Banyakkan membuat latihan tubi dalam aspek pengiraan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Menggalakkan calon membuat kerja praktikal secara berulang atau berterusan supaya calon ingat proses atau langkah.
2. Mengingatkan calon tentang bahan penting yang digunakan dalam sesuatu proses.
3. Menyediakan bahan bantu mengajar seperti carta alir dan poster agar dapat meransang calon untuk mengingat langkah dan proses tersebut.
4. Menyediakan lebih banyak latihan berbentuk pengiraan agar calon boleh menguasai kemahiran mengira.